

## 21 lokasi untuk selam

Oleh Suliati Asri  
[suliati@hmetro.com.my](mailto:suliati@hmetro.com.my)



KENANGAN...peserta merakam gambar kenangan sebelum meninggalkan Pulau Bidong.

MENIKMATI panorama indah matahari terbenam di tepian pantai sememangnya cukup mengasyikkan. Deruan ombak yang tenang bagaikan mengalunkan muzik mengiringi matahari yang terbenam sebelum digantikan bulan yang menerangi malam.

Itulah salah satu pengalaman yang penulis rasai tatkala Mengikuti Program Eksplorasi Bidong Tourism Malaysia Bersama Media 2011 di Pulau Bidong, baru-baru ini.



Pulau Bidong? Tidak pernah dengar pun pulau itu. Itulah antara yang diutarakan kepada penulis tatkala memberitahu rakan bahawa akan mengikuti program anjuran Tourism Terengganu itu.

Penulis sendiri juga turut tertanya-tanya kerana pulau itu tidak sepopular pulau-pulau lain yang terletak di perairan Terengganu seperti Perhentian, Redang, Lang Tengah, Kapas, Gemia dan Tenggol.

Meneliti kembali sejarahnya, Pulau Bidong yang terletak di timur laut perairan Terengganu iaitu kira-kira 30 batu nautika dari Kuala Terengganu pernah menjadi tempat perlindungan hampir 250,000 pelarian Vietnam yang dikenali sebagai orang hanyut selama 16 tahun bermula Mei 1975 sebelum ditutup pada 1991.

Dek kerana 16 tahun menjadi penempatan kepada orang hanyut Vietnam, kerajaan negeri Terengganu menjadikan pulau dengan keluasan kira-kira 203 hektar itu persegi itu sebagai khazanah negeri dan tidak ada pembangunan melainkan sebuah pusat penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Ia sekali gus menjadikan Pulau Bidong sebagai satu-satunya pulau yang tidak dibangunkan bukan saja di Terengganu, tetapi di negara ini.

Namun, selain mempunyai khazanah pelarian dengan pelbagai cerita, perut lautnya turut menjanjikan 1001 khazanah menarik yang perlu diterokai.

Di sekitar Pulau Bidong itu, terdapat banyak tempat menyelam yang indah yang ada potensi menarik perhatian kepada pelancong yang gemar menyelam.

Oleh itu, program Eksplorasi Bidong ini dianjurkan sebagai pengenalan kepada media dan 'dive operator' mengenai keistimewaan peninggalan sejarah-nya di samping mendedahkan tempat menyelam (dive sport) yang terdapat di Pulau Bidong.

Di pulau itu saja, terdapat kira-kira 21 lokasi selam skuba yang sememangnya cukup menakjubkan termasuk Tukun Bidong, Tugu Bidong, Pasir Tenggara, Teluk Belanga dan Galeri yang diletakkan replika Batu Bersurat, tepak sirih, tengkolok, keris dan perahu payang sebagai khazanah menarik untuk industri pelancongan.

Kunjungan yang boleh dikatakan eksklusif itu dan bermalam di Pusat Penyelidikan UMT tidak disia-siakan oleh penulis serta rakan media walaupun tidak mempunyai lesen menyelam.

Aktiviti pertama yang kami lakukan sebaik tiba di pulau itu ialah aktiviti snorkling

di sekitar pusat penyelidikan itu. Walaupun sudah sering kali melakukan aktiviti snorkling, Pulau Bidong memberikan pengalaman yang baru buat kami.

Mana tidaknya, kepelbagaian spesies ikan yang berwarna-warni cukup mengujakan termasuk gelagat si ikan 'nemo' atau nama saintifiknya 'Amphiprion Ocellaris' yang cukup mencuit hati.

Kami juga berkesempatan melihat pelbagai jenis terumbu karang yang berwarna-warni dan masih terpelihara.

Selain snorkling, kami juga berpeluang berkayak mengelilingi Pulau Bidong.

Sesuatu yang cukup mengagumkan penulis ialah kejernihan air lautnya membolehkan terumbu karang dilihat semasa sedang mendayung kayak.

Angin yang bertiup sepoi-sepoi mengiringi kayuhan selain disajikan dengan kehijauan pokok yang tumbuh di tanah subur Pulau Bidong.

Walaupun tidak mempunyai lesen menyelam, kami cukup bertuah kerana diberi peluang untuk menyelam menerusi 'discovery scuba' ataupun pengenalan menyelam.

Selepas memahami fungsi setiap peralatan menyelam dan cara untuk mengendalikannya, kami dibenarkan menyelam di dasar laut dengan kedalaman kira-kira 10 meter dalam.

'Subhanaallah'. Keindahan dasar laut ciptaan Tuhan sememangnya cukup mengagumkan. Pelbagai jenis ikan yang dapat dilihat sepanjang menyelam walaupun ia tidak sedalam mana.

Setengah jam menyelam sememangnya tidak cukup untuk meneroka dasar laut Pulau Bidong yang cukup menakjubkan itu.

"Aku akan kembali untuk selam skuba di sini," detik hati penulis.

Selain pelbagai spesies ikan, Pulau Bidong juga adalah habitat semula jadi bagi hidupan marin yang cukup menakjubkan.

Di pulau itu saja, terdapat lebih dari 10 spesies gamat hidup selain terumbu karangnya yang masih terpelihara dan sangat cantik.

Bagaimanapun bagi penggemar selam skuba masih boleh menikmati keindahan dasar laut Pulau Bidong menerusi pakej 'day trip' yang diperkenalkan kebanyakan resort di tanah besar.

Menerusi 'day trip', pelancong yang tidak mempunyai lesen menyelam boleh snorkling di sekeliling pulau yang sememangnya cukup mengagumkan.

Dengan hanya mengambil masa lebih kurang 30 hingga 45 minit dari Jeti Merang menggunakan bot laju, 'day trip' ke Pulau Bidong sememangnya akan meninggalkan kenangan terindah buat penggemar selam skuba.

Penyelam, Mazlina Abu Bakar yang sudah enam tahun menyelam berkata Pulau Bidong sememangnya sangat berbeza berbanding pulau lain yang pernah dikunjungi untuk aktiviti selam scuba.

Katanya, dek kerana bilangan pengunjung ke pulau itu adalah sikit, khazanah lautnya masih terpelihara dan ia membuatkan Pulau Bidong cukup istimewa.

"Melakukan aktiviti selam skuba di sini cukup berbeza dengan yang lain. Kecantikannya terumbu karangnya cukup mempesona selain tidak satu pun terumbu karang yang rosak dijumpai.

"Flora dan fauna dasar lautnya juga masih terpelihara, sekali gus menjadikan Pulau Bidong destinasi selam skuba yang eksklusif," katanya.